

PENGURUSAN DAN PROSES PERCETAKAN AL-QURAN DI MALAYSIA: KAJIAN DI YAYASAN RESTU, YAYASAN TERENGGANU DAN MAKTABAH AL- MU'ARIF

Khairul Anuar bin Mohamad
Syed Ahmad Tarmizi bin Syed Omar
Irwan bin Mohd Subri

ملخص البحث

يلاحظ هذا البحث عملية طباعة القرآن الكريم في شركات ثلاث تدير طباعته في ماليزيا. وقد لاحظ الباحثون هذه العملية في ياياسن رستو (بسلانجور)، وياياسن ترينجانو (بترينجانو)، ومكتبة المعارف (بينانج) التي تعد من أنشط الشركات في طباعة القرآن الكريم وإدارة طباعته. وقد أجري هذا البحث بناء على وجود أخطاء مطبعية في بعض المصاحف المعروضة في عدد من الأسواق الماليزية. وهذه الأخطاء لا يدركها إلا من كان من أهل القرآن، وطبعا هذه الأخطاء تفضل الناس عند قراءة المصحف الكريم. ومن هذه الأخطاء المطبعية زيادة نقطة في حرف معين مما يغير المعنى، أو خطأ في وضع علامات الترقيم، أو خطأ ترتيب رقم الصفحة وغيرها. ومن نتائج البحث أن من الأسباب التي تؤدي إلى وقوع مثل هذه الأخطاء، طباعة المصحف في مكان غير مكيف مما يجعل الغبار يلتصق بألة الطباعة، أو الإهمال في تصحيح المصحف وتفتيش آلة الطباعة وغيرها. ومن خلال ملاحظة عملية طباعة القرآن في هذه الشركات، تعرف الباحثون على مدى اتباع هذه الشركات الاجراءات الصحيحة عند طباعة القرآن للتأكد من عدم وجود الأخطاء في المصاحف المطبوعة. وأخيرا يقترح البحث عدة اقتراحات قيّمة لكل شركة تطبع القرآن الكريم في ماليزيا حتى تكون المصاحف المطبوعة خالية من الأخطاء المطبعية.

PENDAHULUAN

Percetakan al-Quran merupakan suatu usaha yang murni dalam menjaga keaslian nasnya. Ia diberi perhatian yang amat serius oleh seluruh dunia Islam. Lantaran itu, boleh dikatakan di setiap negara Islam terdapat kilang yang mencetak al-Quran. Antara negara Islam yang terkehadapan dalam percetakan al-Quran ialah Arab Saudi, Syria, Lubnan dan lain-lain. Pelbagai naskhah al-Quran telah berjaya dihasilkan, seperti mushaf tajwid berwarna, al-Quran dengan riwayat *Wārṣh*, al-Quran dengan riwayat *Qālūn* dan sebagainya.

Seiring dengan perkembangan masa, percetakan al-Quran juga dilakukan dengan menggunakan proses dan mesin yang canggih serta terkini. Meskipun begitu, terdapat sebahagian penerbit lebih mengutamakan faktor komersial sehingga berlaku kecuaiian dalam proses percetakan. Ini mengakibatkan berlakunya kesilapan pada *ḍābṭ* (penandaan) al-Quran dan lain-lain. Pengurusan yang cekap, teliti dan diawasi dengan cermat yang bermula dengan pemilihan khat sehingga pengedaran al-Quran akan menghasilkan sebuah mushaf yang selamat dari sebarang kesilapan dan seterusnya memelihara keaslian nas al-Quran.

MATLAMAT KAJIAN

Kajian ini mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk mengetahui metodologi pengurusan yang terbaik dalam proses percetakan dan penerbitan al-Quran. Dengan ini perkhidmatan (metodologi pengurusan dan percetakan) boleh ditawarkan dan dihebahkan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mencetak al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan yang merupakan justifikasi kepada pemilihan tajuk ini. Antaranya ialah :

- a) Mengkaji metodologi yang diguna pakai dalam pengurusan percetakan al-Quran di lokasi pilihan.
- b) Mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang wujud dalam pengurusan percetakan al-Quran.
- c) Melihat sendiri proses percetakan al-Quran di lokasi-lokasi berkaitan.
- d) Menemuramah pihak-pihak yang bertanggungjawab secara langsung dalam pengurusan tersebut.
- e) Melakukan perbandingan terhadap hasil percetakan dari lokasi tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Umum mengetahui bahawa tulisan al-Quran yang ada pada masa kini adalah tepat, betul dan bertepatan dengan tulisan yang ditulis semasa pemerintahan Ūṭhmān Ibn Āffān RĀ. Bahkan apabila diajukan bahawa al-Quran yang ada pada hari ini terdapat kesilapan dari sudut *wāqāf ibtīdā'*, penandaan *ṭānwin*, kesilapan helaian dan seumpamanya, ramai yang tidak memberi perhatian kepada semua teguran tersebut.

Kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam membasmi kesalahan dan kesilapan cetakan al-Quran dapat dilihat dengan penubuhan Unit Kawalan al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri. Unit tersebut yang dianggotai para *ḥūffāz* ditugaskan untuk menyemak setiap naskhah asal al-Quran yang hendak dicetak atau dijual kepada orang ramai.

Penemuan kesalahan dalam mushaf akhir-akhir ini begitu banyak dan mudah kedapatan. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

1. *Mūṣḥāf* edaran Dar al-Risalah Beirut, Lubnan. Dalam helaian 421, terdapat kesalahan pada tulisan ayat-ayatnya yang terputus-putus. Ini boleh mengakibatkan pembaca meninggalkan helaian tersebut atau membaca dengan salah.
2. *Mūṣḥāf* cetakan Dar al-Fajr al-Islamiyy, Damascus. Kesalahan yang terdapat dalam mushaf ini ialah selepas helaian 515 iaitu surah al-Hujurat, diikuti dengan helaian 552. Kesalahan ini mengakibatkan lebih 30 helaian al-Quran tidak terdapat dalam mushaf.
3. *Mūṣḥāf* Maktabah al-Mu‘arif Sendirian Berhad, Pulau Pinang (cetakan kedua). Selepas helaian 5 yang sepatutnya diikuti helaian 6 telah diikuti dengan helaian 7. Selain itu, terdapat beberapa kesalahan lain seperti terdapat tanda noktah di bawah huruf ن pada ayat **أَنْ يَكُونُوا** dalam Surah āl-Tāūbāḥ ayat 18.

Perkara yang dikemukakan di atas adalah sebahagian kesalahan yang dikesan secara rambang. Kesalahan tersebut mungkin berpunca daripada kelalaian pencetak dalam mengurus proses percetakan al-Quran. Justeru, kajian ini amatlah perlu untuk mengenal pasti di mana kesilapan yang sering berlaku dalam proses percetakan al-Quran dan seterusnya mencadangkan metodologi yang terbaik.

SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada pengurusan percetakan al-Quran dengan melalui beberapa proses. Proses pertama yang perlu dilakukan ialah membandingkan beberapa mushaf dan melihat keterangan dan pandangan lajnah pentashih di setiap penerbitan. Seterusnya pandangan yang kuat akan diambil berdasarkan kepada beberapa bukti dan hujah.

Kajian tentang pengumpulan al-Quran, penulisan, penandaan dan perkembangannya akan dibuat mengikut beberapa kitab dalam bidang *'Ulūm āl-Qūrān*, *Ṭārīkh*, *Rāsm* dan *Dābt*. Pengumpulan data-data tersebut dapat membantu melengkapkan pengkajian dalam tajuk ini.

Proses kedua pula ialah kajian di lokasi percetakan al-Quran. Bagi melaksanakan proses kedua ini kajian akan dilakukan dalam dua fasa. Fasa pertama ditumpukan kepada percetakan al-Quran di Malaysia. Manakala fasa kedua akan dilanjutkan ke luar negara seperti Lubnan, Mesir, Arab Saudi dan Syria. Perkara yang penting dalam pengamatan di tempat percetakan tersebut ialah bermula dengan pemilihan naskhah untuk dicetak hinggalah ia diterbitkan.

Dalam fasa pertama, lokasi-lokasi yang akan dilawati ialah Yayasan Restu iaitu penerbit Mushaf Malaysia, Yayasan Terengganu iaitu penerbit Mushaf al-Quran dengan kuantiti yang amat besar setiap tahun dan Maktabah al-Mu'arif, Pulau Pinang. Selain daripada itu, lawatan juga dilakukan di Kementerian Dalam Negeri, khususnya Unit Kawalan al-Quran dan institusi-institusi yang berkaitan.

KAJIAN LEPAS

Data-data dalam kajian ini terdapat dalam buku-buku dan tidak disusun mengikut urutan kajian. Misalnya buku Dalil al-Mushaf keluaran Percetakan al-Malik Fahd, Madinah. Buku tersebut hanya menyentuh aspek penulisan al-Quran dan percetakannya di Mujamma' al-Malik Fahd sahaja. Tulisan tersebut didapati berbeza sama sekali dengan kajian yang akan dibuat ini. Justeru, dalam pengamatan penulis belum terdapat satu kajian lengkap yang menggabungkan antara pengumpulan data dan teknik percetakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara ringkasnya akan menggunakan beberapa metodologi ke arah memperkemaskan lagi hasil kajian. Antara metodologi tersebut ialah:

- a) Temubual: Sesi temubual akan dijalankan terhadap pihak pengurusan yang terlibat secara langsung dengan proses percetakan di tempat-tempat terpilih dan juga pihak yang bertanggung jawab dalam mentashih cetakan tersebut. Dengan ini maklumat yang terperinci akan diperolehi.
- b) Pengamatan: Pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian di lokasi percetakan. Antara aspek yang akan diperhatikan ialah pemilihan tulisan, pembikinan plat dan jenis mesin pencetak di samping pengambilan beberapa foto yang berkaitan sebagai bukti pemerhatian.
- c) Perbandingan: Setelah pengumpulan data selesai, metodologi perbandingan akan digunakan bagi menghasilkan metodologi terbaik dalam proses percetakan al-Quran.

Seterusnya maklumat-maklumat yang diperolehi akan dianalisa dan dibuat ulasan ilmiah selaras dengan matlamat dan objektif kajian ini.

Sebelum memulakan perbincangan secara terperinci tentang perbezaan pengurusan percetakan antara Yayasan Restu, Maktabah al-Mu'arif dan Yayasan Terengganu, dipaparkan secara ringkas maklumat tentang ketiga-tiga institusi tersebut.

YAYASAN RESTU

Usaha pemakmuran agama Allah SWT melalui seni Islam yang telah disemai sejak sekian lama bertambah kukuh dengan kelahiran Kompleks Taman Seni Islam: Nasyrul al-Quran yang menjadi salah satu mercu tanda di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kompleks Taman Seni Islam: Nasyrul al-Quran merupakan sebuah monumen yang melambangkan pencapaian usaha pemakmuran seni Islam dan budaya al-Quran yang sedang mekar berkembang dewasa ini.

Kompleks Taman Seni Islam ini lahir dari gerakan penyebaran budaya al-Quran yang dijalankan melalui Projek al-Quran Mushaf Malaysia sejak dari tahun 1994. Usaha ini terus berkembang mekar sehingga ke peringkat termeterai komitmen bersejarah di antara kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Yayasan Restu untuk bersama-sama mengisi ruang pembangunan budaya melalui kompleks ini. Hasrat untuk menubuhkan satu wadah kepada manuskrip al-Quran beriluminasi khazanah negara dan hasil seni Islam yang lain kini menjadi kenyataan dengan izin Allah SWT.

Lokasi Strategik

Kedudukannya di tengah pusat pembangunan Islam di bandaraya Shah Alam kelihatan begitu strategik dan amat bersesuaian. Kemunculannya bersebelahan Masjid Negeri Selangor, bangunan Majlis Agama Islam Selangor dan Makam Di Raja Selangor menjadikan kawasan ini sebagai sebuah Mujamma' atau kompleks yang besar dan lengkap mencerminkan penghayatan institusi *fārdhū āin* dan *fārdhū kifāyāh* yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Terbinanya Kompleks Taman Seni Islam: *Nāṣyrūl Āl-Qūrān* atas pembiayaan Kerajaan Negeri menjadikan Selangor Darul Ehsan sebuah negeri pertama menerajui pembangunan dan perkembangan seni Islam secara serius. Ini kerana, kompleks ini bukan hanya satu tempat penyimpanan bahan-bahan artifak sejarah Islam seperti sebuah muzium tetapi ianya lebih kepada tempat mereka cipta seni Islam yang sentiasa dinamik dan berkembang indah sesuai dengan peredaran zaman. Setiap aktiviti yang dijalankan di dalamnya sentiasa relevan dengan kehendak masa dan keperluan masyarakat masa kini.

Projek al-Quran Mushaf Malaysia

Projek al-Quran Mushaf Malaysia adalah usaha pertama rakyat Malaysia untuk negara dalam membantu dunia menghidupkan semula seni mushaf yang telah hilang dari dunia Islam hampir lima ratus tahun yang lalu. Projek al-Quran Mushaf Malaysia bermula daripada idea dan inisiatif awal Penyelenggara Projek iaitu Black & Brown Publication dan mekar dikembangkan oleh Yayasan Restu. Ia mendapat kerjasama dan sokongan kewangan daripada Kerajaan,

Yayasan AlBukhary, Noble Energy dan pelbagai pihak lain. Ia dibina dari inisiatif sekumpulan anak Melayu tempatan yang bersyukur mendapat rezeki memakmurkan lembaran Kalam Allah SWT yang julung-julung kali berlaku di dunia dan di negara kita.

Al-Quran Mushaf Malaysia satu-satunya mushaf al-Quran tempatan beriluminasi dan berwarna penuh pertama yang dicetak untuk masyarakat awam di tanah air. Usaha menyiapkannya menelan perbelanjaan jutaan ringgit. Kini manuskrip indah yang telah disiapkan bernilai RM21 juta. Setiap lembarannya dihiasi dengan seni tampak Melayu Islam dari seluruh negeri di Malaysia. Ianya disediakan oleh anak Melayu tempatan dan disebarkan kepada masyarakat umum.

Kini kerja keras yang telah dijalankan selama beberapa tahun telah membuahkan hasil dengan terbitnya al-Quran Mushaf Malaysia *Ṭāb'āḥ Mā'ārīj āl-Jāmāl* (cetakan awam) dan al-Quran Mushaf Malaysia *Ṭāb'āḥ 'Āīn āl-Ṭāqwā* (cetakan koleksi). Al-Quran Mushaf Malaysia *Ṭāb'āḥ 'Āīn āl-Ṭāqwā* telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamed pada 18 Jamadilawal 1424H bersamaan 18 Julai 2003. Ini merupakan bukti pengiktirafan Kerajaan Malaysia atas usaha yang dijalankan oleh Yayasan Restu dalam memelihara seni Islam.

Pembinaan Manuskrip al-Quran

Selain penerbitan al-Quran Mushaf Malaysia, beberapa mushaf lain juga turut diterbitkan antaranya al-Quran Mushaf Bibi (diwakafkan kepada umat Islam untuk kegunaan

terjemahan al-Quran), manuskrip beriluminasi penuh al-Quran Mushaf Nur Fatimah (manuskrip al-Quran salinan tangan oleh muslimat), projek pembinaan manuskrip al-Quran Mushaf Pulau Pinang, manuskrip al-Quran indah untuk Negeri Selangor Darul Ehsan, manuskrip beriluminasi al-Quran Mushaf Khas koleksi peribadi, Juz ‘Amma Ma‘arij Tilawah al-Quran beriluminasi dan berbagai-bagai manuskrip lagi.¹

MAKTABAH AL-MU‘ARIF

Satu sesi lawatan telah dijalankan ke Maktabah al-Mu‘arif pada 29 September 2003. Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 1964 di atas sebuah tanah seluas 16 ekar. Dahulunya, kilang ini bermula sebagai sekolah pondok sahaja. Idea untuk membuka kilang percetakan tercetus selepas pemilik syarikat itu, Encik Salleh Nahdi pulang dari Arab Saudi. Berdasarkan fakta tersebut, ianya dianggap sebagai kilang percetakan al-Quran yang pertama di Malaysia yang terletak di Pulau Pinang.

Selain daripada cawangan di Malaysia terdapat satu cawangan al-Mu‘arif di Thailand. Mesin yang digunakan dibeli dari Edinburgh, United Kingdom. Terdapat juga mesin yang dibeli dari Jepun dan Korea. Di samping itu terdapat beberapa jenis mesin untuk memotong dan melipat.

Percetakan al-Quran di Maktabah al-Mu‘arif adalah mengikut musim. Selalunya permintaan kepada naskhah al-Quran meningkat apabila tiba bulan Ramadan. Percetakan

¹ Temubual: Abdul Baki Abu Bakar. Eksekutif Kanan, Yayasan Restu. Proses Penulisan al-Quran. 3.11.2004.

ini hanya menggunakan *plate* untuk mencetak al-Quran. Had minimum bagi setiap percetakan adalah 5000 naskhah.

Plate ayat al-Quran yang mengandungi tulisan datang dari Arab Saudi. Hanya design sahaja yang berbeza. Berdasarkan pengalaman lepas, proses percetakan setiap mushaf sebanyak 10,000 naskhah hanya memakan masa selama 10 hari sahaja. Proses penyemakan akan dijalankan selepas selesainya proses percetakan. Arab Saudi tidak mengambil sebarang tindakan walaupun al-Mu'arif meniplak tulisan daripada Arab Saudi.

Pihak pengurusan percetakan hanya membuat semakan pada cetakan yang pertama sahaja pada *plate*. Cara semakan adalah dengan membaca dan menyemak semula pada ayat al-Quran. *Plate* tersebut ditempah khas dari Thailand. Kesahihan pada *plate* adalah terjamin kerana ia diterap daripada mushaf yang asal.

Menurut pemilik syarikat ini, kesalahan yang biasa terdapat dalam proses percetakan al-Quran ialah seperti kelihatan kelabu dan hitam pada helaian mushaf al-Quran. Kesalahan tersebut boleh dikesan semasa proses percetakan. Kesilapan dalam proses penjilidan juga pernah berlaku, akan tetapi ia telah dibaiki dengan membuat penyemakan berulang kali.²

² Temubual: Salleh Nahdi. Pemilik Maktabah al-Mu'arif. *Proses Percetakan al-Quran*. 29.9.2003.

YAYASAN TERENGGANU

Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (IFTP) telah ditubuhkan pada September 1985 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar RM 9,090,002 juta daripada modal simpanan 10 juta. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat milik penuh Yayasan Islam Terengganu, sebuah badan berkanun di bawah Enakmen Negeri Terengganu. Dengan kemampuan dan peralatan yang terkini, Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. mampu untuk beroperasi dan menjalankan perniagaan dengan jayanya.

Di samping menjalankan percetakan al-Quran dan buku-buku akademik keagamaan, syarikat ini juga menjalankan percetakan laporan tahunan syarikat, prospektus-prospektus, pekeliling-pekeliling, kalendar-kalendar dan hampir semua kerja percetakan termasuklah pra-penerbitan, percetakan dan penjilidan. Kini Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (IFTP) telah muncul sebagai salah satu syarikat percetakan yang terbesar di Malaysia. Sebagai satu langkah untuk mendapatkan pasaran yang lebih luas terutamanya di Lembah Klang, sebuah cawangan telah pun bertapak di Kuala Lumpur. Pelanggan-pelanggan bagi syarikat ini termasuklah jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat dan individu-individu.

Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (IFTP) juga merupakan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan merupakan ahli kepada beberapa pertubuhan berikut:

1. Pertubuhan Percetakan Malaysia
2. Pertubuhan Pencetak Melayu Malaysia
3. Pertubuhan Pengusaha Bumiputra Malaysia
4. Dewan Perniagaan Melayu Negeri Terengganu

Aktiviti-Aktiviti

Antara aktiviti utama Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu ialah sebagaimana berikut:

1. Merangka: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (IFTP) sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan (untuk cetakan Rumi, Jawi dan Arab) dalam apa-apa bentuk cetakan seperti cetakan laser, bromida dan filem.
2. Merekabentuk: Sekumpulan perekabentuk grafik yang kreatif akan menghasilkan rekabentuk cetakan yang menepati citarasa para pelanggan.
3. Kamera dan plat: Dengan menggunakan mesin-mesin yang sofistikated, kerja-kerja produksi semula, pemfileman, 'strip-in', 'masking' dan juga pembuatan plat dapat dijalankan.
4. Percetakan: Dengan 4 mesin warna (perfecting/non-perfecting), 2 mesin warna (perfecting) dan satu mesin warna dengan pelbagai saiz, Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (IFTP) boleh memberikan hasil cetakan dengan cepat dan berkualiti melalui operator-operator pengendali yang berpengalaman.
5. Penjilidan: Syarikat juga menjalankan semua jenis kerja penjilidan dengan sempurna termasuklah untuk hasil cetakan tebal, berkulit lembut, berkulit keras,

‘saddle-stitching’ dan dijahit menggunakan peralatan yang moden dan sofistikated.

6. Pengiklanan: Untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti syarikat, pelbagai khidmat seperti khidmat pengiklanan, promosi dan cenderamata juga disediakan untuk para pelanggan.³

PERBANDINGAN PERCETAKAN ANTARA YAYASAN RESTU, MAKTABAH AL-MU‘ARIF DAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU

Perbandingan antara syarikat-syarikat tersebut boleh dibahagikan seperti berikut:

1. Proses sebelum mencetak.
2. Proses semasa mencetak.
3. Proses selepas mencetak.

1. Proses Sebelum Mencetak

Sebelum mencetak sesuatu mushaf, perkara penting yang perlu diambil kira ialah memilih mastermind untuk dijadikan bahan dalam mencetak al-Quran. Yayasan Restu telah mengambil tindakan dengan kepakaran yang mereka miliki dan kewangan yang kukuh, mereka telah menulis sendiri al-Quran dengan tenaga penulis yang dilatih dengan begitu baik sekali. Sumbangan dan usaha yang mereka lakukan ini perlu diberi pujian kerana pada masa ini dalam dunia Islam hanya beberapa syarikat sahaja yang mampu menulis sendiri al-Quran sebelum

³ Temubual: Ramli Draman. Eksekutif Pemasaran, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. *Proses Percetakan al-Quran*. 1.4.2004.

dicetak. Tetapi kebiasaannya mereka mencetak al-Quran dengan mengambil al-Quran yang ditulis oleh Syeikh Uthman Taha.

Proses penulisan al-Quran di Yayasan Restu dilakukan dengan terkawal. Penulis khat pada mulanya akan melakar penulisan sebanyak satu muka dengan menggunakan pensil.

Selepas siap ditulis, helaian berkenaan akan dihantar ke bahagian semakan. Bahagian semakan akan meneliti satu persatu kalimah, tanda bacaan dan sebagainya. Jika terdapat kesalahan mereka akan membetulkan lakaran tersebut dengan mengembalikan semula kepada penulis khat. Keadaan ini terus berlaku sehingga lakaran tersebut betul-betul sah dan tepat dengan nas al-Quran. Lakaran yang telah disahkan oleh bahagian tashih akan ditulis dengan menggunakan dakwat. Pada kebiasaannya mereka hanya menulis satu helai setiap hari. Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka amat teliti dalam menulis al-Quran.

Maktabah al-Mu'arif pula memilih mushaf yang telah siap untuk dijadikan *plate* bagi proses mencetak al-Quran. Mereka memastikan *plate* yang diimbis dari al-Quran adalah bersih dari segala kekotoran dan tulisannya jelas dan tepat. Semua proses pengesahan nas al-Quran ini dilakukan oleh pengarah syarikat yang mempunyai latar belakang pendidikan di Mekah.

Percetakan Yayasan Islam Terengganu pula memilih mushaf yang diterbitkan di Timur Tengah untuk dijadikan

mastermind. Penulis dimaklumkan pada permulaan percetakan, banyak kesalahan terdapat dalam mushaf yang mereka terbitkan. Setelah menyedari kesalahan tersebut, pihak percetakan telah melakukan pembetulan dan kawalan percetakan telah dikemaskan untuk mengelak daripada berlaku kesalahan.

2. Proses Semasa Mencetak

Semasa mencetak al-Quran beberapa perkara perlu dijaga untuk memastikan penerbitan al-Quran betul-betul tepat dan memenuhi kehendak pelanggan. Setiap syarikat akan memilih kertas yang berkualiti untuk dicetak. Namun begitu, penulis mendapati pihak Maktabah al-Mu'arif telah mencetak al-Quran dengan menggunakan kertas yang tidak berkualiti. Apabila diajukan soalan apakah sebab menggunakan kertas tersebut, pihak mereka menyatakan kerana kos penjualan dengan kertas tersebut adalah murah dan orang ramai suka membeli dengan harga yang murah.

Mesin pencetak yang digunakan oleh tiga syarikat itu adalah berkualiti dan harga setiap satu adalah begitu mahal. Meskipun begitu, pihak Yayasan Restu tidak mencetak di tempat mereka tetapi menyerahkan urusan percetakan kepada syarikat lain. Yayasan Restu mempunyai tenaga yang berkemahiran dalam menulis al-Quran tetapi dalam urusan percetakan mereka menyerahkan kepada satu syarikat lain untuk urusan tersebut. Namun begitu, mengikut pegawai yang bertanggungjawab dalam urusan penyemakan teks al-Quran, beliau akan melakukan pemantauan terhadap proses percetakan ini dari semasa ke semasa.

Mengikut temubual dengan pegawai Unit Kawalan al-Quran KDN, antara percetakan yang bagus dan baik kualitinya ialah percetakan Yayasan Terengganu. Proses percetakan dilakukan dengan teliti dan setiap kali mencetak ia diawasi dengan begitu rapi. Semasa proses mencetak berjalan, satu helaian akan diambil untuk diteliti apakah terdapat kesalahan atau sebaliknya. Perkara yang sering berlaku ialah kekurangan dakwat, dakwat tertumpah, habuk melekat pada plat yang mengakibatkan terjadi titik yang lebih seperti *ba'* bertukar kepada *ya'* dan seumpamanya. Untuk urusan pengawalan ini, pihak Yayasan Terengganu telah melantik seorang pegawai yang ditugas untuk menyemak dan meneliti semua urusan tersebut.

Bagi Maktabah al-Mu'arif, memandangkan mereka adalah syarikat swasta dan banyak mencetak bahan-bahan lain selain al-Quran, mereka tidak mempunyai pegawai khusus menjaga dan mengawasi proses mencetak al-Quran. Oleh sebab itu, urusan tersebut dipegang oleh pengarah syarikat itu sendiri yang mendapat pendidikan agama di Mekah al-Mukarramah. Menurut beliau, penelitian terhadap proses mencetak akan dilakukan secara rawak terhadap helaian al-Quran yang dicetak. Ini untuk memastikan tidak ada kesalahan yang berlaku samada kekurangan dakwat, terlebih dakwat, dakwat tertumpah atau sebagainya.

3. Proses Selepas Mencetak

Selepas mencetak al-Quran, proses penyusunan setiap kuras, penjilidan dan pemotongan tepi mushaf dilakukan. Semua proses tersebut dilakukan dengan teliti dan tenaga mahir dalam

perkara tersebut diperlukan. Penelitian penulis terhadap proses tersebut mendapati bahawa Yayasan Terengganu telah menyediakan ruang yang luas dan selesa untuk para pekerja melakukannya. Selain itu, Yayasan Terengganu juga mempunyai mesin yang berkualiti untuk melakukan semua proses tersebut kecuali pemasangan kulit mushaf dilakukan secara manual. Sebaliknya di Maktabah al-Mu'arif, penulis mendapati terdapat aduan bahawa sebahagian pekerja yang melakukan proses tersebut ialah di kalangan orang yang bukan Islam. Ini merupakan satu kesalahan yang berat dan menjadi punca kepada berlaku kesilapan ketika binding dan sebagainya.

Di Yayasan Restu pula, segala urusan selepas mereka menghasilkan skrip al-Quran dikendalikan oleh pihak lain. Justeru mereka tidak mengambil berat soal proses percetakan dan penjilidan kecuali hanya ketika melakukan pemantauan ketika mencetak supaya tidak berlaku kesalahan.

Yayasan Restu ialah sebuah syarikat yang menghasilkan al-Quran dengan menulis dan menghasilkan sendiri al-Quran. Usaha yang dilakukan oleh syarikat ini perlu mendapat pujian kerana pada zaman ini dalam dunia Islam samada di tanah Arab, India atau Malaysia keseluruhan syarikat yang mencetak al-Quran mengguna pakai manuskrip tulisan yang ditulis oleh Uthman Taha. Justeru apa yang dibuat oleh Yayasan Restu adalah berlainan dan usaha tersebut perlu dicatat dan dijadikan sejarah dalam penulisan al-Quran. Namun begitu penulis mendapati tulisan al-Quran yang mereka hasilkan ada perbezaan dengan susunan mukasurat yang dibuat oleh Uthman Taha.

Susunan yang berlainan ini memberi kesan kepada orang ramai daripada sudut pembacaan dan menghafaznya. Umat Islam di Malaysia ini telah mengamalkan pembacaan al-Quran ini dengan dua mushaf iaitu mushaf yang dihasil oleh Uthman Taha dan Mushaf al-Majid. Mereka membaca al-Quran dengan dua mushaf tersebut dan selalu melaziminya daripada sudut tulisan, hukum-hakam tajwid, susunan ayat, juzuk, surah dan lain-lain. Dan jika terdapat mushaf yang mempunyai susunan surah dan ayat berlainan dengan mushaf yang selalu mereka baca sudah tentu ia memberi kesan kepada umat Islam untuk melazimi pembacaannya.

Antara perbezaannya yang lain dengan mushaf yang dihasilkan oleh Uthman Taha yang dinyatakan dalam temubual penyelidik dengan pihak Yayasan Restu ialah penggunaan khat Nasakh. Tulisan khat Uthman Taha telah diubahsuai untuk dijadikan lebih mudah untuk dibaca. Namun begitu bagi pihak Yayasan Restu mereka telah menggunakan khat Nasakh yang asli. Selain itu, penyusunan surah yang terdapat dalam tulisan Uthman Taha ada yang diletakkan dibawah permukaan mushaf, manakala Yayasan Restu pula telah meletakkan semua nama surah di permukaan atas mushaf.

Dengan sebab itu terdapat beberapa perbezaan antara mushaf yang dikeluarkan oleh Yayasan Restu dengan mushaf yang ditulis oleh Uthman Taha. Setelah pihak Yayasan mendapati kurang sambutan terhadap mushaf yang mereka hasilkan dengan sebab berlainan susunan dan tulisan dengan Uthman Taha terutamanya di kalangan penghafaz al-Quran, mereka telah membuat satu keputusan untuk menghasilkan mushaf yang sama dengan Uthman Taha tetapi lebih menarik .

Yayasan Terengganu adalah sebuah syarikat percetakan yang besar dan berada di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu. Syarikat ini telah mengeluarkan mushaf dan pada mulanya terdapat beberapa kesalahan umpamanya kesalahan baris, tanda waqf dan lain-lain. Ekoran aduan daripada orang ramai, pihak Yayasan Terengganu telah melakukan pembetulan dan penyemakan yang lebih teliti. Mereka telah melantik seorang penyemak yang bertugas mengesan dan membetulkan kesalahan yang terdapat dalam mushaf.

Tugas pegawai berkenaan ialah menyemak mushaf bermula dari proses pertama hinggalah berakhirnya cetakan mushaf. Semasa mencetak, pegawai berkenaan akan mengambil helaian cetakan dan memeriksa sekiranya terdapat kesalahan. Mengikut temubual penyelidik dengan pegawai Unit Kawalan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri, Percetakan Yayasan Terengganu antara syarikat yang terbaik dalam mencetak al-Quran di Malaysia.

Manakala Maktabah al-Mu‘arif di Pulau Pinang telah melakukan kerja percetakan al-Quran ini sejak dulu lagi. Syarikat ini adalah milik swasta dan kebanyakan bahan cetak ditumpukan kepada menerbit buku-buku agama lama. Mengikut pengarah syarikat, percetakan buku-buku agama pada satu ketika dulu hampir kepada lima ratus judul. Ini memandangkan kepada permintaan buku-buku agama yang agak tinggi ketika itu. Namun pada masa ini hanya sekitar 50 hingga 70 judul buku agama sahaja yang dicetak. Lantaran itu percetakan al-Quran yang dilakukan oleh syarikat ini adalah mengikut musim.

Umpamanya ketika hampir bulan Ramadan permintaan

al-Quran di pasaran begitu tinggi. Justeru syarikat akan mencetak mushaf untuk menampung permintaan dari umat Islam di Malaysia ini. Walaupun begitu, kelemahan yang terdapat dalam percetakan al-Quran dari syarikat ini ialah penggunaan kertas yang tidak berkualiti. Kertas yang tidak berkualiti apabila diguna untuk mencetak al-Quran, risiko berlaku kesalahan adalah amat tinggi. Selain itu pemantauan syarikat terhadap kesahihan hasil cetakan tidak begitu teliti. Ini kerana orang yang bertanggungjawab menyemak dan mentashih teks al-Quran ialah pengarah syarikat itu sendiri.⁴

JABATAN AGAMA ISLAM PULAU PINANG DAN UNIT KAWALAN AL-QURAN

Satu pertemuan dengan pegawai penyelidik dan penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) telah diadakan pada 29 September 2003. Perjumpaan itu bertujuan untuk mengetahui aduan orang awam berkaitan kesalahan dalam percetakan al-Quran dan perkara lain yang berkaitan. Perjumpaan ini diadakan kerana salah satu lokasi yang perlu penulis lawati ialah Maktabah al-Mu'arif yang terletak di Pulau Pinang. Penulis juga ingin mengetahui bagaimana tindakan yang telah diambil bagi kesalahan jika aduan berkaitan al-Quran dilaporkan kepada jabatan berkenaan.

Bentuk-bentuk aduan penyalahgunaan ayat suci al-Quran yang diterima oleh JAIPP setakat ini adalah seperti berikut:

- i. Percetakan al-Quran yang tidak mendapat kebenaran untuk mencetak.

⁴ Sumber: pemerhatian dan pemantauan di lokasi-lokasi tersebut.

- ii. Percetakan ayat al-Quran yang tidak betul.
- iii. Pengambilan orang bukan Islam dalam proses percetakan al-Quran.

Selepas aduan tersebut diterima, JAIPP tidak mengambil tindakan terus terhadap mereka untuk menyelesaikan aduan-aduan ini. Namun pihak JAIPP telah mengadakan beberapa perbincangan seperti menasihati premis bagi menyelesaikan masalah ini, seperti masalah orang bukan Islam yang bekerja di kilang percetakan yang mencetak al-Quran. Jika permis terbabit engkar mematuhi arahan yang dikeluarkan, tindakan susulan akan diambil seperti menyita dan membuat dakwaan serta denda terhadap premis tersebut. Secara umumnya penyalahgunaan ayat al-Quran tidak diawasi dan percetakan ayat al-Quran dibiarkan tanpa disemak semula.

Menurut JAIPP, terdapat premis percetakan yang tidak mengurus dan mengawasi percetakan al-Quran dari segi penghantaran. Selain itu ada premis yang mengambil beberapa orang bukan Islam bekerja di premis percetakan al-Quran meskipun mempunyai 95% orang pekerja beragama Islam. Bagi orang bukan Islam, mereka tidak mengetahui tatasusila penjagaan al-Quran. Pernah terjadi mereka menjadikan kertas-kertas yang bercetak ayat al-Quran sebagai alas dalam kotak dan sebagainya. Ini mencemarkan ayat al-Quran khasnya serta merendahkan martabat agama Islam sebagai agama rasmi negara. Kesalahan ini boleh didakwa berdasarkan akta-akta yang telah digubal.

Berdasarkan pertemuan dengan pihak Kementerian Perdagangan, Kementerian Dalam Negeri Bahagian C, sistem

permohonan percetakan perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, seorang pengusaha yang ingin membina kilang percetakan perlu mendapat kursus atau latihan yang berkaitan dengan percetakan serta cara pengurusan berkaitan al-Quran dengan terperinci.

Kebanyakan pengusaha kilang percetakan tidak mengetahui perkara ini. Pihak yang bertanggungjawab seperti Kastam, KDN, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Percetakan dan Pihak Pengawalan al-Quran perlu mengambil peranan untuk mengawal percetakan al-Quran.

Dalam akta, tiada penjelasan secara terperinci tentang al-Quran sebagai hiasan. Sebaliknya ia hanya menerangkan tentang kesalahan dalam mencetak ayat al-Quran dan menggunakan orang bukan Islam untuk mencetak ayat al-Quran. Ada juga *frame-frame* yang mempunyai ayat al-Quran yang digunakan sebagai hiasan diletakkan di merata-rata tempat seperti di atas lantai sebagaimana yang dilaporkan. Ini boleh dikategorikan sebagai menghina al-Quran dan ia mungkin disebabkan oleh kurangnya kefahaman tentang tatasusila penjagaan ayat-ayat suci al-Quran.

Kebanyakan aduan yang dilaporkan oleh masyarakat hanya berkaitan dengan hiasan ayat al-Quran. Bagi masyarakat yang prihatin iaitu bagi individu yang ingin membeli hiasan ayat al-Quran sebagai barang untuk diimport atau dieksport, mereka perlu merujuk terlebih dahulu kepada Unit Kawalan al-Quran di Kementerian Dalam Negeri. Ada pihak yang datang dari Iraq, Pakistan, Bangladesh dan lain-lain lagi yang telah membuat

rujukan. Jika terdapat aduan tentang masalah percetakan ayat al-Quran di Johor, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) boleh dirujuk untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini kerana rangkaian KDN wujud di serata negeri di Malaysia.

Satu lawatan juga telah diadakan pada 30 September 2003 ke Unit Kawalan Penerbitan dan Penguatkuasaan Zon Utara, Kementerian Dalam Negeri. Kawasan yang dikawal ialah Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Jabatan ini mempunyai 28 orang kakitangan pejabat dan terdiri daripada 12 orang daripada Bahagian Penerbitan. Di dalam bahagian ini terbahagi kepada 3 akta penting iaitu:

- 1) Akta Pengurusan Filem.
- 2) Akta Mesin Cetak.
- 3) Akta Teks di dalam al-Quran.

Pihak Kementerian telah menjalankan pengawalan terhadap kemasukan mushaf ke Malaysia di semua pintu masuk sempadan seperti Bukit Kayu Hitam, Pelabuhan Kelang dan lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada premis-premis percetakan dan kedai-kedai yang menjual naskhah al-Quran.

Antara contoh kesalahan yang dilaporkan berlaku ialah kesilapan cetakan mukasurat di dalam al-Quran iaitu mukasurat 5 terus ke mukasurat 7. Ini bermakna mukasurat 6 telah hilang. Ini menunjukkan kesilapan cetakan mukasurat dan penjilidan yang salah pada mushaf al-Quran pernah berlaku.

Pernah terjadi, wujudnya aduan daripada masyarakat tentang kesilapan cetakan mukasurat oleh pihak percetakan al-Mu'arif. Sehubungan itu, pihak percetakan al-Mu'arif telah mengambil semula al-Quran seterusnya menyemak semula segala kesilapan yang ada dalamnya. Selepas itu ia dirujuk kepada JAKIM.

Di samping itu, cetakan kedua al-Mu'arif juga mengandungi kesilapan cetakan mukasurat. Apabila tiada sebarang aduan yang dibuat oleh masyarakat tentang al-Quran, kemungkinan besar pihak Percetakan al-Mu'arif tidak mengetahui sebarang kesilapan yang ada dalamnya. Pihak al-Mu'arif juga tidak akan tahu sebarang kesilapan yang ada dalam al-Quran jika tiada sebarang aduan yang dibuat oleh masyarakat. Kesemua cetakan yang salah akan ditarik semula tetapi tindakan undang-undang tidak akan diambil jika kesalahan tersebut berpunca daripada kesilapan teknikal.

Dalam urusan mencetak al-Quran, bukan semua premis pencetak boleh mencetak al-Quran. Hanya premis yang telah diberi kebenaran sahaja yang boleh mencetaknya. Dalam usaha mengawal percetakan al-Quran, sebuah Lembaga Tashih al-Quran telah diwujudkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sebelum dicetak, mushaf asal al-Quran perlu disemak terlebih dahulu oleh Lembaga Tashih berkenaan. Selepas mendapat kebenaran daripada lembaga tersebut, bermulalah urusan percetakan.

Pihak KDN akan menyiasat kesalahan berkaitan percetakan al-Quran jika terdapat aduan dan akan bertindak

berdasarkan akta yang telah digubal. Pergedar-pengedar al-Quran daripada luar negara juga perlu mendapat kebenaran daripada KDN sebelum menjual mushaf tersebut di Malaysia.

Di samping itu, pihak KDN juga ada membuat pemantauan di kedai-kedai yang menjual al-Quran. Bidang Kuasa Unit Kawalan al-Quran KDN ialah mencetak nama, membuat nombor siri dan mengecop. Jika al-Quran yang datang dari luar negara, ia perlu dirujuk terlebih dahulu kepada unit teks al-Quran selama 3 bulan. Jika al-Quran yang datang daripada Malaysia, ia hendaklah mendapatkan cop KDN terlebih dahulu sebelum dicetak.

Cop KDN telah diswastakan kepada satu syarikat sahaja. Jika pengimport ingin mengimport naskah al-Quran, ia perlu meminta cop KDN daripada syarikat tersebut. Syarikat itu juga diberi mandat untuk menyemak al-Quran. Akan tetapi syarikat itu tiada kepakaran dalam mengesahkan kesahihan nas al-Quran. Ini menyebabkan kesukaran untuk mengenalpasti kesilapan dan kesalahan yang ada di dalam al-Quran.

Setelah lawatan dilakukan kepada tiga lokasi bagi tujuan penyelidikan iaitu Yayasan Restu, Maktabah al-Mu'arif dan Percetakan Yayasan Islam Terengganu, penyelidik mendapati terdapat beberapa perbezaan antara ketiga-tiga percetakan tersebut melakukan proses mencetak al-Quran. Perkara penting yang perlu diketengahkan ialah hasrat setiap satu syarikat tersebut mahukan supaya al-Quran tersebar ke seluruh negara dan mampu dimiliki oleh setiap individu muslim.

CADANGAN

Kajian yang dijalankan ini ialah ekoran daripada banyak kesalahan dalam teks al-Quran yang dicetak oleh syarikat-syarikat percetakan. Kesalahan-kesalahan tersebut memang wujud dan diakui sendiri oleh sesetengah syarikat pencetak.

Bagi mengelak kesalahan cetakan al-Quran ini, penyelidik mencadangkan beberapa cadangan untuk dijadikan panduan kepada syarikat pencetak bagi mengatasi masalah ini terus berlaku:

1. Pihak Unit Kawalan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri dan JAKIM serta pihak Jabatan Agama Negeri hendaklah melakukan pemantauan setiap kali syarikat pencetak melakukan cetakan al-Quran.
2. Kertas yang digunakan untuk mencetak al-Quran hendaklah dari jenis yang berkualiti dan tahan lama. Kertas yang berkualiti ini sebenarnya akan menyumbang dan menarik ramai orang untuk membaca al-Quran.
3. Mencetak al-Quran perlu dilakukan di tempat yang tertutup dan berhawa dingin. Meskipun kos yang diperlukan begitu tinggi, namun ia boleh mengelak berlaku kesalahan kerana habuk yang berterbangan apabila terlekat di plat ia boleh menjadikan satu titik. Dan jika titik tersebut terlekat pada huruf ba' sudah tentu ia akan menjadi ya'.
4. Pentashihan terhadap semua proses percetakan hendak-

lah bersifat dalaman dan luaran. Ini bermaksud pihak syarikat hendaklah mempunyai lajnah pentashihan daripada kalangan hafiz dan orang yang berkelayakan dalam bidang tersebut. Manakala pentashih luaran seperti JAKIM dan KDN (Unit Kawalan al-Quran) perlulah menguatkuasakan undang-undang yang sedia untuk memastikan tiada kesalahan dalam percetakan teks al-Quran.

5. Plat yang digunakan untuk mencetak hendaklah selalu disemak dan diteliti supaya tidak terdapat kesalahan. Dan jika terdapat kesalahan pada plat, maka ia hendaklah digantikan dengan plat yang baru.
6. Semua proses yang berkaitan dengan mencetak al-Quran hendaklah dilakukan orang Islam yang mempunyai akhlak yang baik, pengetahuan dalam bidang ini dan selalu berwuduk.

PENUTUP

Al-Quran sentiasa dipelihara dengan baik sepanjang zaman dan tempat. Penjagaan tersebut menepati keadaan semasa berdasarkan teknologi yang dimiliki umat Islam. Zaman penulisan tangan al-Quran telah ditulis dengan baik dan dijadikan bahan bacaan harian. Mereka menulis dan meneliti setiap satu perkataan supaya menepati dengan segala yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Setelah tiba zaman percetakan, umat Islam telah mengambil kesempatan tersebut dengan melakukan percetakan terhadap al-Quran. Tujuannya ialah untuk memberi kemudahan kepada seluruh umat Islam supaya mereka dapat membaca dan menghayati isi kandungan al-Quran. Meskipun begitu dalam keghairahan mencetak, terdapat sesetengah syarikat mengabaikan pengawasan yang rapi terhadap proses percetakan dan ini mengakibatkan berlaku kesalahan dalam percetakan al-Quran.

Justeru dengan laporan penyelidikan yang dikemukakan ini diharap dapat menjadi panduan dan iktibar kepada umat Islam dan juga syarikat yang mencetak al-Quran supaya mengawasi percetakan dan berusaha untuk menjaga kesucian nas al-Quran.

RUJUKAN

- Salleh Nahdi. Pemilik Maktabah al-Mu'arif. *Proses Percetakan al-Quran*. 29.9.2003. (temuramah)
- Shafiee bin Abdul Wahab. Ketua Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. *Aduan Kesalahan Cetakan al-Quran*. 29.9.2003. (temuramah)
- Ramli Draman. Eksekutif Pemasaran, Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. *Proses Percetakan al-Quran*. 1.4.2004. (temuramah)
- Abdul Baki Abu Bakar. Eksekutif Kanan, Yayasan Restu. *Proses Penulisan al-Quran*. 3.11.2004. (temuramah)
- Shamsul Bahari Dahalan. Eksekutif Terjemahan dan Tashih, Yayasan Restu. *Proses Pentashihan al-Quran*. 3.11.2004. (temuramah)